

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)36**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

36. Apakah usaha-usaha bersepadu melahirkan usahawan di kalangan bumiputera?
- (a) Senaraikan agensi yang terlibat dan bentuk bantuan yang disalurkan.

**YB RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

36. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dan berusaha secara bersepadu dengan pelbagai agensi bagi melahirkan usahawan bumiputera melalui kerjasama penganjuran kursus dan program-program berkaitan usahawan.
- (a) Senarai agensi yang terlibat dan bentuk bantuan yang disalurkan adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Negeri telah dan sedang melaksanakan **Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)** Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama kelima-lima Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dengan nilai bantuan alatan sebanyak RM3,000.00 kepada usahawan kecil yang layak dan diluluskan melalui mesyuarat *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD);
- (ii) Penang Halal International Sdn Bhd (PHI) merupakan agensi yang berperanan untuk **mempromosi industri halal di Pulau Pinang**. PHI dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP menyediakan perkhidmatan pemudah cara dalam meningkatkan kesedaran keperluan pensijilan halal dan pengurusan permohonan pensijilan halal. Usahawan bumiputera juga diberi peluang untuk turut serta di dalam ekspo perdagangan tempatan dan antarabangsa. Inisiatif ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan platform kepada usahawan dan syarikat bumiputera dalam mempromosi dan memasarkan produk halal ke pasaran tempatan dan global;

- (iii) Penang Woman Development Corporation (PWDC) telah dan sedang menjalankan dua program, iaitu **Penang Women Entrepreneur Mentoring Program** serta **Wanita Jana Rezeki** yang berteraskan pembinaan kapasiti dan penyediaan platform bagi wanita menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan. Tambahan pula, program latihan ini turut melibatkan 80 peratus peserta bumiputera. Program keusahawanan yang dijalankan oleh PWDC tidak menyalurkan sebarang bantuan kepada peserta tetapi lebih fokus kepada usaha meningkatkan kemahiran dan menyediakan platform kepada peserta;
- (iv) *Penang Development Corporation* (PDC) sejak 2009 telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai agensi pelaksana telah melaksanakan **Skim Pinjaman Harapan (SPH)** untuk usahawan Negeri Pulau Pinang yang berbentuk pinjaman perniagaan. Skim ini diwujudkan sebagai satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil. SPH menawarkan pinjaman tanpa cagaran dengan jumlah pinjaman antara RM5,000.00 sehingga RM50,000.00 dan tempoh pinjaman bagi skim 1 dan skim 2 adalah 4 tahun.

Ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dan PDC untuk membantu usahawan Pulau Pinang dalam mengembangkan perniagaan mereka dengan mengambil manfaat daripada pinjaman yang ditawarkan;

- (v) Digital Penang sentiasa menerima penyertaan dari usahawan di kalangan bumiputera di dalam program-program keusahawanan yang telah dianjurkan dari masa ke semasa. Antara program yang dianjurkan ialah seperti **Micro & SME LevelUP Program (MELUP)**, **Karnival Eksplorasi Digital Ekonomi EmpowerNCER** dan **#Sherunbusiness**. Program-program dibawah Digital Penang sentiasa menggalakkan penyertaan dari kalangan komuniti termasuk dari kalangan bumiputera. Program - program ini diharapkan dapat meningkatkan pendapatan perniagaan melalui pengamalan teknologi yang lebih mendalam serta meningkatkan peluang pekerjaan bagi masyarakat tempatan.
  
- (vi) Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) menyediakan sokongan asas kepada usahawan mikro sebagai platform untuk membolehkan usahawan ini

mendapat bimbingan seterusnya oleh lain-lain agensi seperti SME Corp, MATRADE, MIDF dan sebagainya dalam konteks masing-masing ke peringkat yang lebih tinggi. Antara program yang dilaksanakan adalah **Program Sokongan & Pemerkasaan Usahawan PERDA (SPEAR), Program Desamall dan Skim Pembangunan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB);**

- (vii) Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor (NCIA) melalui **Program Dana Usahawan NCER** membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera yang berkeelayakan dan berhasrat untuk melabur di dalam sektor-sektor tumpuan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), di mana program ini berperanan sebagai *tipping point* kepada syarikat- syarikat tersebut. Sejak ditawarkan oleh NCIA pada tahun 2019, sebanyak sembilan (9) buah syarikat bumiputera berdaya saing tinggi telah memanfaatkan Dana Usahawan NCER di dalam mengembangkan perusahaan mereka, dengan jumlah pelaburan yang telah dimudahcara adalah sebanyak RM144.8 juta. Sebanyak 397 peluang pekerjaan baharu

telah berjaya diwujudkan hasil pelaburan-pelaburan tersebut;

- (viii) Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah melaksanakan ***Program Penang Entrepreneur Development Initiative (PEDI)*** anjuran bersama pihak Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (ICU JPM) yang dilaksanakan pada Julai 2023 untuk memberi pendedahan kepada usahawan akan kepentingan pengurusan dalam sesuatu perniagaan, merancang dan membentuk strategi perniagaan dengan lebih berkesan. Bukan itu sahaja, MARA turut melaksanakan **Program Jom Sokong Lokal** anjuran bersama ICU JPM yang dilaksanakan pada Februari 2023 bertujuan untuk peserta merapatkan jurang pengetahuan dalam industri fesyen yang sentiasa berkembang. Ia membantu peserta bagi menangani keperluan penting tentang trend, permintaan pasaran dan strategi perniagaan. Peserta juga dapat memupuk hubungan industri dengan rangkaian Industri Fesyen; dan

(ix) TEKUN Nasional menyediakan **kemudahan pembiayaan tanpa cagaran** dan penjamin dengan syarat-syarat yang minima bagi tujuan untuk membantu usahawan mikro terutamanya usahawan Bumiputera. Seiring dengan transformasi dalam ekonomi dan perubahan kaedah perniagaan masa kini, nilai pembiayaan TEKUN ditingkatkan kepada maksima RM100,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga 120 bulan dan kadar keuntungan sebanyak 4% setahun adalah antara yang terendah di pasaran. Selain itu, usahawan-usahawan TEKUN yang berkecukupan akan dirujuk kepada institusi kewangan bagi mendapatkan bantuan yang lebih besar bagi membolehkan mereka terus berkembang melalui jalinan kerjasama antara agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) antaranya seperti Bank Rakyat, SME Bank dan juga SME Corp.